

SMK PANTAI CIPTA SEJARAH LULUS 100% SPM 2023



SMK Pantai berjaya mencatat sejarah baharu apabila semua calon SPM 2023 lulus dan layak mendapat sijil SPM berbanding 94.77% pada tahun 2022. Ini merupakan kali pertama SMK Pantai mencapai lulus 100% sejak sekolah ini ditubuhkan pada 2002.

Gred Purata Sekolah juga menunjukkan peningkatan besar dengan pencapaian 4.33 berbanding 4.65 pada tahun 2022.

Jumlah murid yang mendapat semua A dalam semua mata pelajaran juga meningkat iaitu seramai 4 orang berbanding 2 orang pada tahun 2022. Jumlah murid yang mendapat 6A ke atas juga meningkat kepada 22 orang berbanding 14 orang pada 2022.

Murid terbaik SPM 2023 ialah Nur Waheeda binti Mohd Rizal

yang mendapat 9A+ dalam semua mata pelajaran yang diambil iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Sains, Pendidikan Islam, Perniagaan, Prinsip Perakaunan dan Ekonomi. Nur Waheeda merupakan anak jati Labuan yang tinggal di Kampung Tanjung Aru WP Labuan. Ayahnya Mohd Rizal bin Usin merupakan seorang Juruteknik Komputer manakala ibunya Noraini binti Samsu merupakan Penolong Pendaftar Kanan di UMS Kampus Antarabangsa Labuan. Anak sulung daripada 4 orang adik beradik ini bercita-cita menjadi seorang akauntan.

Nurin Aisyah binti Rinatho mendapat 9A iaitu A+ dalam mata pelajaran Ekonomi, A dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Pendidikan Islam, Sejarah, Matematik, Sains, Prinsip Perakaunan dan Perniagaan, serta A- dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Ayahnya Rinatho bin Nunchi adalah seorang Pegawai Kaunseling, manakala ibunya merupakan suri rumah tangga sepenuh masa. Anak sulung daripada 6 adik beradik ini bercita-cita menjadi seorang Ahli Ekonomi atau Akauntan.



Nurin Aisyah dan ibu bapa bersama Pengetua dan Penolong-penolong kanan SMK Pantai
Harizah Syafiqah binti Hasto mendapat 9A iaitu A+ dalam

Bahasa Melayu, Sejarah dan Prinsip Perakaunan, A dalam Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Perniagaan dan Ekonomi, dan A- dalam Pendidikan Islam. Ayahnya Hasto binti Zakaria bertugas di TUDM dan ibunya Lina binti Abdul Rasyid seorang kerani bank. Anak pertama daripada 3 orang adik beradik ini bercita-cita menjadi Akauntan.

Nur Alisyia Nuriena binti Mohamad Azrie mendapat 9A iaitu A+ dalam Matematik, A dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Kimia, dan A- dalam Pendidikan Islam, Sejarah, Matematik Tambahan, Fizik dan Biologi. Ayahnya Mohamad Azrie bin Hamzah bertugas di TUDM manakala ibunya Mimi Fazura binti Zulkifflee seorang suri rumah sepenuh masa. Anak sulung daripada 4 orang adik beradik ini bercita-cita menjadi Ahli Veterinar.



Nur Aliesya Nuriena bersama keluarga

Pengetua SMK Pantai, Encik Ismail bin Abdullah berkata kejayaan ini adalah hasil usaha dan kerjasama kolektif semua guru, ibu bapa, PIBG serta murid-murid calon SPM 2023 sejak daripada awal lagi. Program intervensi yang

dirancang dan dilaksanakan secara berterusan mendapat sokongan padu dari pada PIBG yang sentiasa menyumbang aspek kewangan untuk menjayakan program yang dijalankan.

Pengurusan kurikulum juga diberi perhatian secara teliti dan berterusan oleh pengetua dan para pentadbir., Guru-guru berusaha melaksanakan pelbagai intervensi yang berbeza dan disesuaikan untuk kumpulan murid lemah, sederhana dan cemerlang.

Pengetua mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada guru-guru, ibu bapa, PIBG serta Jabatan Pendidikan WP Labuan yang turut menyumbang kepada kejayaan bersejarah ini. Matlamat lebih tinggi akan ditetapkan untuk SPM 2024 setelah post mortem SPM 2023 dilaksanakan nanti.

Berita Oleh : SMK Pantai



Murid-murid yang mencapai 6A ke atas bersama Pengetua dan Penolong2 Kanan SMK Pantai